

Dasar pendidikan akan diubahsuai - PM

UM - 8 DEC 1993

LANGKAWI 7 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dasar pendidikan akan diubahsuai selaras dengan keperluan kemajuan teknologi baru dan industri di negara ini.

Katanya, kursus-kursus baru yang berkaitan akan diperkenalkan oleh institusi pengajian tinggi, kerajaan dan juga sektor swasta untuk mencapai matlamat tersebut.

Berucap merasmikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '93) di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan kepada sektor swasta yang ingin melabur dalam perusahaan berteknologi tinggi.

Umpamanya, dua taman teknologi tinggi (Hi-tech Park) yang sedang dimajukan di Kulim, Kedah dan Zon Pembuatan Komposit (CMZ) di Mela-

ka adalah usaha kerajaan ke arah itu, kata beliau.

Dalam hubungan ini, kata beliau, Kerajaan Malaysia akan sentiasa bertindak cepat bagi memenuhi kehendak para pelabur.

[LAGI LAPORAN DAN GAMBAR DI MUKA 4]

Perdana Menteri menjelaskan, usaha mengadakan CMZ di Melaka adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk mempromosi pembuatan produk-produk komposit di negara ini.

CMZ antara lain menempatkan pusat industri penerbangan dengan Syarikat Eagle Aircraft Malaysia, pusat pembuatan kayu hoki daripada bahan komposit, makmal komposit bagi menyediakan sokongan penyelidikan kepada syarikat di kawasan CMZ.

Malaysia berharap lebih banyak lagi syarikat tempatan dan luar turut

■ Lihat muka 2

UM - 8 DEC 1993

Dasar pendidikan akan diubahsuai — PM

serta di kawasan CMZ, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, komposit seperti yang diketahui boleh digunakan bagi membuat alat-alat kegunaan sukan, kapal, fittings untuk gerabak dan kenderaan serta kontena.

Di samping itu, menurut Perdana Menteri memang tidak dinafikan bahan-bahan komposit kini semakin banyak digunakan dalam pesawat komersil dan tentera.

Mengenai LIMA '93, Perdana Menteri berkata, pameran itu amat istimewa kerana diadakan di rantau ini di mana tahap ekonominya sedang berkembang pesat.

Kata beliau, orang ramai di rantau ini bukan sahaja melancong, tetapi sebenarnya mula menganggap bahawa me-

miliki pesawat-pesawat persendirian dan bot-bot mewah sebagai penting untuk perniagaan dan rekreasi.

Mengenai Langkawi, beliau berkata, pulau pelancongan ini merupakan tempat menarik dan sesuai untuk urusan kerja dan percutian.

Sepuluh tahun lalu, menurut Perdana Menteri, kira-kira 30,000 pelancong melawat ke sini, tetapi tahun lepas jumlahnya meningkat lebih sejuta orang, 30 peratus daripadanya pelancong luar.

"Oleh itu jika anda berada di sini tahun ini kerana urusan perniagaan, ia harus disusuli dengan percutian pada masa akan datang kerana LIMA telah memperkenalkan anda lebih daripada itu," kata Perdana Menteri.